

Laman web UMS-KAL wadiah maklumat

UB 20.2.2012 B3

LAMAN sesawang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan sentiasa dikemaskini supaya segala maklumat di dalamnya mampu disampaikan dengan segera kepada pelanggan utama universiti iaitu pelajar dan masyarakat setempat.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI) akan memastikan kandungan laman web itu akan dikemaskini oleh pengendali laman sesawang yang dilantik secara rasmi di setiap bahagian di UMS-KAL.

Katanya, maklumat yang terkini diperlukan oleh pelajar untuk mendapatkan pelbagai maklumat mengenai program yang ditawarkan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) termasuk jadual pembelajaran pada setiap hari.

Pada masa sama, beliau berkata maklumat itu juga diperlukan oleh ahli masyarakat seperti tawaran tender dan aktiviti yang menjurus kepada hubungan dua hala antara universiti dan warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Dr Shariff berkata hubungan antara universiti dan masyarakat tidak boleh dipisahkan kerana pelajar



DR SHARIFF (empat kanan), Zamri (tiga kanan) dan Suprianto (tiga kiri) bergambar kenangan bersama pengendali laman sesawang UMS Labuan, kelmarin.

UMS-KAL akan menjadi ahli masyarakat selepas mereka menamatkan pengajian kelak.

“Laman sesawang merupakan antara kaedah yang boleh digunakan untuk menghubungkan pihak universiti dengan masyarakat selain pelajar sebagai pelanggan utama UMS-KAL,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UMS-KAL Bil

1/2012 di Bilik Seminar, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Suprianto Mohamed Noor.

Sehubungan itu, Dr Shariff mahu pengendali laman web di setiap bahagian akan memainkan peranan utama mereka menyalurkan maklumat yang berkaitan SPKAL, SSIL dan 14 Pejabat Bahagian di UMS-KAL.

Beliau juga menasihatkan pelajar dan kakitangan supaya tidak menyalahgunakan laman sesawang ini untuk kepentingan sendiri atau mempunyai agenda yang boleh menjejaskan nama baik nama universiti.

“Jika pelajar dan kakitangan mempunyai masalah, mereka boleh menyalurkan isu berkenaan kepada pihak pengurusan universiti termasuk menggunakan kemudahan di laman sesawang UMS-KAL,” katanya.